

MAJLIS PENUTUP PROGRAM REMAJA BERWAWASAN SUMMER CAMP 3/16



airforce.mil.my/arkib/arkib/895-majlis-penutup-program-remaja-berwawasan-summer-camp-3-16

ALOR SETAR, 22 Jul 16 – Majlis penutup Program Remaja Berwawasan Summer Camp 3/16 telah berlangsung di Dewan Peperiksaan ITAS Kolej. Program ini adalah dibawah *National Blue Ocean Strategy 8* (NBOS 8) yang merupakan salah satu usaha untuk mengurangkan indeks jenayah.

Terdapat empat inisiatif dibawah Uniformed Policing 2 dan Program Remaja Berwawasan merupakan inisiatif yang keempat bertujuan untuk menangani masalah disiplin di kalangan murid sekolah. Terdapat tiga agensi utama yang melaksanakan program ini iaitu Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Para peserta telah didedahkan dengan pelbagai modul kursus termasuk ketenteraan, motivasi dan kaunseling, kemahiran individu dan kumpulan, kepimpinan dan kerohanian.

Majlis tersebut telah ditutup oleh YBhg Komandan Kolej Tentera Udara, Brig Jen Dato' Johnny Loh Kok Kong TUDM. Turut hadir majlis penutup tersebut Pengarah Pendidikan ATM Kol Zubir bin Mohamed ,Timbalan Ketua Jabatan Pencegahan Jenayah dan keselamatan Komuniti Negeri Kedah ACP Mohd Ismon bin Suratman, Ketua Unit Kokurikulum Jabatan Jabatan Pendidikan Negeri Kedah En Abdul Rahim bin Mat, Pegawai-pegawai kanan dari pelbagai agensi Kerajaan dan guru-guru sekolah yang terlibat didalam program ini.

